

**Pengurusan Kes Umno Selangor Saman Pas 6 Dis
Bernama
22 November , 2011**

SHAH ALAM, 22 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini Selasa menetapkan 6 Dis ini untuk pengurusan kes saman oleh Umno Selangor terhadap Setiausaha Agung Pas Datuk Mustafa Ali serta lima yang lain berhubung pemeriksaan Jabatan Agama Islam Selangor di Gereja Methodist Damansara Utama pada 3 Ogos lepas.

Tarikh itu ditetapkan ketika kes berkenaan disebut di hadapan Timbalan Pendaftar Sara Zuriati Zaharifudin.

Pada 14 Sept lepas, Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Mohd Zin Mohamed selaku plaintif, memfailkan saman itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini, melalui firma guaman Tetuan Hafarizam, Wan & Aisha Mubarak.

Beliau menamakan Mustafa, Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden Pas Mohamad Sabu, pencetak akhbar Harakah, Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd, penyunting akhbar berkenaan Ahmad Lutfi Othman, dan wartawan Harakah, Khairul Azlam Mohamad, sebagai defendan.

Dalam pernyataan tuntutananya, Mohd Zin berkata Mustafa pada 15 Ogos 2011 telah ditemuramah oleh Khairul Azlam di mana Setiausaha Agung Pas itu didakwa telah memfitnah Umno berkaitan dengan wadah dan perjuangan politik mereka.

Menurut beliau, dalam edisi Harakah bertarikh 19 Ogos-21 Ogos 2011, Mustafa telah menyebabkan atau mengizinkan untuk dicetak dan diterbitkan kata-kata fitnah itu dalam sebuah artikel di halaman kedua akhbar itu bertajuk "Pas akan dedah bukti, Umno main peranan operasi Jais".

Mohd Zin menuntut kesemua defendan membayar ganti rugi RM10 juta termasuk ganti rugi keterlalaian atau teladan untuk libel, faedah empat peratus setahun dan satu arahan injuksi untuk menghalang mereka daripada menerbitkan atau menyebabkan penerbitan kata-kata fitnah itu, baik secara lisan atau di media cetak dan Internet.

Beliau juga menuntut kesemua defendan menerbitkan permohonan maaf secara bertulis di akhbar dan majalah, kos serta relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=628972>